

Headline	Pencapaian FRIM catat rekod		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 May 2018	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	171,663
Page No	29	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	441 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,796
Frequency	Daily	PR Value	RM 26,388



Pencapaian FRIM catat rekod

FRIM menjadi badan berkanun pada 1 Oktober 1985, bawah Akta Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia 1985.

FRIM turut melakar sejarah sebagai institut penyelidikan perhutanan yang pertama di negara ini serta sebagai sebuah entiti penyelidikan yang terulung di rantau ini dan pada peringkat antarabangsa.

Kampus FRIM juga telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Semula Jadi pada 2009 dan Warisan Kebangsaan pada 2012. Seterusnya, pada 2017, institusi tersebut menjadi kebanggaan Malaysia selepas pencalonan FRIM diterima ke dalam Senarai Tentatif Tapak Warisan Dunia (WHS) Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Pada tahun ini, FRIM menyambut ulang tahun ke-33 penubuhannya dan antara pelbagai kejayaan yang dilakukannya sepanjang tempoh tersebut ialah 33 Malaysia Book of Records (MBR) iaitu berjaya memperoleh 33 rekod MBR bermula tahun 2003 sehingga sekarang.

Justeru penubuhan FRIM Inc. amat signifikan bagi FRIM secara keseluruhannya dan pelancaran rasminya baru-baru ini dianggap cukup bersejarah dan bermakna.

Mengambil sempena peristiwa bersejarah itu, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Datuk Seri Azizan Ahmad** yang merupakan Pengurus FRIM Inc. turut mengumumkan nama dua spesies tumbuhan bukit batu kapur yang dinamakan sempena nama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi dan menteri, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar iaitu



MOHD SHAHIDAN MOHAMAD ARSHAD menunjukkan antara produk yang dihasilkan oleh industri dan penyelidik FRIM.

Gymnostachyum ahmadzahidianum dan *Impatiens feonajunaidiana*.

FRIM menamakan kedua-dua spesies tumbuhan tersebut sebagai menghargai sokongan kepada kedua-dua tokoh berkenaan terhadap usaha pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti khususnya di kawasan batu kapur.

Kesemua spesies tersebut dikategorikan sebagai spesies yang amat terancam, manakala nama pokok sempena Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak pula diumumkan kemudian.

Pakar botani FRIM difahamkan menyediakan manuskrip lengkap dengan deskripsi dan ilustrasi ketiga-tiga spesies tumbuhan ini untuk diterbitkan dalam jurnal saintifik antarabangsa.

Ahmad Zahid juga merasmikan Villa Junaidiana iaitu pusat operasi FRIM Inc. yang turut dinamakan sempena Wan Junaidi sebagai

penghargaan sokongan dan sumbangan beliau terhadap FRIM. Pada majlis tersebut, Ahmad Zahid menyaksikan penyampaian sijil-sijil pengiktirafan MBR kepada FRIM.

Antara beberapa pengiktirafan yang terkini termasuk lima yang dianugerahkan kepada Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod, satu kepada pasukan penyelidik yang diketuai Dr Lee Chai Ting dan satu lagi pasukan penyelidik diketuai Dr. Hamdan Husain.

Abd. Latif menerima lima anugerah MBR antaranya sebagai Saintis Perhutanan Pertama menerima Anugerah Saintis Muda Negara, Saintis Perhutanan Pertama menerima dua Anugerah Sains Kebangsaan dan Saintis Perhutanan termuda di dunia dan Malaysia yang menerima Anugerah Pencapaian Saintifik Antarabangsa ketika berusia 34 tahun.

Turut dilancarkan adalah aplikasi Sistem Pengenalpastian Kayu Mudah Alih (*MyWood-ID*) iaitu satu aplikasi pengecaman kayu menggunakan telefon pintar.

MyWood-ID dibangunkan oleh saintis Makmal Anatomi Kayu FRIM yang diketuai Dr Nordahlia Abdullah Siam dengan kerjasama Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), yang dijangka dapat mengecam 100 jenis kayu tempatan ini adalah cepat, tepat, melibatkan kos yang rendah serta mesra pengguna.



ANTARA produk yang dihasilkan dengan kerjasama FRIM dan industri. - GAMBAR HIASAN